

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dan statistik permohonan pinjaman bank bagi tujuan pembiayaan perumahan di Negeri Selangor dan berapakah jumlah permohonan yang berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tempoh separuh pertama 2016, sebanyak 222,633 permohonan pinjaman bank bagi tujuan pembiayaan perumahan di Malaysia telah dipohon. Daripada jumlah ini, sebanyak 165,693 permohonan telah diluluskan oleh sistem perbankan.

Di Selangor, sebanyak 55,317 daripada 76,002 permohonan pinjaman bagi tujuan pembiayaan perumahan telah diluluskan oleh sistem perbankan. Statistik permohonan pinjaman bank bagi tujuan pembiayaan perumahan bagi tempoh Januari sehingga Jun 2016 untuk negeri Selangor adalah seperti berikut

Jumlah Akaun	Jumlah Permohonan	Permohonan yang Berjaya
Malaysia	222,633	165,693
Selangor	76,002	55,317